



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	10/8/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	PERHILITAN			

Peneroka masih bimbang serangan harimau

UM, 10 Ogos
2021_24

DUNGUN: Peneroka ladang kelapa sawit Felda Kertih 4 di sini masih dibelenggu kebimbangan sekiranya berlaku serangan baharu harimau berikutan terdapat beberapa ekor lagi haiwan liar berkenaan yang berkeliaran di kawasan itu.

Engah Abdullah, 64, berkata, bunyi ngauman 'pak belang' sering didengari setiap kali berada di ladang pada waktu pagi dan walaupun seekor sudah ditangkap tetapi kerisauan mereka belum lagi berakhir.

"Sejak tahun lepas, sudah tujuh lembu saya dibaham harimau dan selagi tidak tangkap kesemuanya, hati saya serta rakan-rakan tidak tenang untuk bekerja.



ENGAH ABDULLAH

"Banyak kali peneroka berputih mata kerana harimau, tetapi aktiviti menternak dan mengusahakan ladang kelapa sawit tetap perlu diteruskan bagi menyara keluarga," katanya ketika ditemui semalam.



MOHD. NAWI KADIR

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan seekor harimau belang jantan berusia setahun setengah yang digelar 'Atan Kertih' memasuki perangkap sebelum dibawa ke Pusat Menyelamat Haiwan Liar Kebang-

saan (NWRC) di Sungkai, Perak untuk pemantauan.

Atan Kertih yang seberat 70 kilogram itu dipercayai antara lima ekor harimau yang dirakam kamera perangkap Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) sejak Jun lalu.

Sementara itu, **Mohd. Nawi Kadir**, 62, percaya harimau pernah memasuki kandang lembunya beberapa bulan lalu susulan kesan tapak kaki dan pagar runtuh.

"Saya terkejut tengok kandang kosong ketika mahu melepaskan lembu dan saya syak 'pak belang' masuk ke kandang sekali gus menyebabkan ternakan saya lari bertempiran," katanya.

